


BESI konkrit untuk mengukuhkan pembinaan projek jajaran MRT.



SEORANG pekerja melakukan kerja pembinaan MRT.




PEKERJA memeriksa lampu di dalam terowong.



Keadaan jajaran yang dibina untuk projek MRT.

SPEKTRUM BERSAMA AZHAR RAMLI



Ketika ini, projek pembinaan laluan Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang sedang giat dilaksanakan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada warga kota pada masa akan datang yang dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang 2017.

Pembinaannya diperlukan berikutan pusat ibu kota adalah kawasan tumpuan untuk bekerja terutama bagi mereka yang menetap di sekitar Lembah Klang.

Terowong MRT akan dibina menggunakan mesin pengorek terowong atau lebih dikenali sebagai tunnel boring machine (TBM) yang akan menggali di bawah tanah tanpa mengganggu aktiviti yang dijalankan di permukaan.

Sebahagian daripada jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang akan dibina di bawah tanah bandaraya Kuala Lumpur iaitu suatu kawasan yang padat dengan bangunan dan sibuk dengan aktiviti perniagaan.

Jajaran sepanjang 9.5 kilometer (km) itu akan dibina di antara Portal Semantan di Jalan Duta dan Portal Maluri di Cheras.


Manakala tujuh stesen bawah tanah bakal dibina sepanjang laluan ini memabitkan KL Sentral, Pasar Seni, Bukit Bintang Sentral, Pasar Rakyat, Cochrane dan Maluri.



PEKERJA sibuk melaksanakan kerja pembinaan jajaran MRT.



PEKERJA melaksanakan kerja pembinaan di dalam terowong bawah tanah.



PROJEK MRT BAWAH TANAH

TEROWONG bawah tanah projek MRT Sungai Buloh-Kajang dalam pembinaan.